



PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

MENARA PERKESO
281, JALAN AMPANG
50538 KUALA LUMPUR
HOTLINE: 1300 22 8000

PEKELILING MAJIKAN BIL. 1 TAHUN 2018

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA, 1969 (AKTA 4) DAN AKTA SISTEM INSURANS PEKERJAAN, 2017 (AKTA 800)

PERLUASAN PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL KEPADA SUAMI ATAU ISTERI YANG BEKERJA DENGAN PASANGANNYA DALAM PERUSAHAAN DI BAWAH AKTA 4 DAN AKTA 800

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa suami atau isteri yang bekerja dalam kategori perusahaan “pemilik tunggal” dan “perkongsian” yang dimiliki oleh pasangannya (selepas ini dirujuk sebagai “majikan”), wajib didaftarkan dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berkuat kuasa mulai **1 Julai 2018** untuk diliputi di bawah Akta 4 dan Akta 800.
- 1.2 Perluasan perlindungan ini berdasarkan Warta Kerajaan berikut:-
 - i. Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 (Akta 4) melalui Perintah Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan Jadual Pertama) 2018 – [P.U.(A) 144/2018]; dan

- ii. Akta Sistem Insurans Pekerjaan, 2017 (Akta 800) melalui Perintah Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan Jadual Pertama) 2018 – [P.U.(A) 145/2018].

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Semenjak Akta 4 dan Akta 800 dikuat kuasakan, seseorang suami atau isteri yang bekerja dengan pasangannya di dalam perusahaan pasangannya tidak layak didaftarkan sebagai “pekerja” di dalam kedua-dua Akta tersebut.
- 2.2 Selaras dengan dasar Kerajaan untuk memperluaskan lagi jaringan keselamatan sosial, Kerajaan telah memutuskan untuk memberi perlindungan kepada suami atau isteri yang bekerja dengan pasangannya di dalam perusahaannya di bawah Akta 4 dan Akta 800.

3. PEMAKAIAN

- 3.1 Semua majikan yang menggaji suami atau isterinya bekerja di dalam perusahaannya, hendaklah mendaftarkan suami atau isterinya, dan membayar caruman kepada PERKESO sepertimana pekerja lain mengikut prosedur yang sedia ada.
- 3.2 Semua majikan yang menggaji suami atau isterinya dan **belum pernah mendaftarkan perusahaannya dengan PERKESO sebelum 1 Julai 2018**, hendaklah mendaftarkan perusahaan dan pasangannya sebagai pekerja serta membayar caruman kepada PERKESO mulai tarikh tersebut.
- 3.3 Semua majikan yang menggaji suami atau isterinya dan **belum pernah mendaftarkan perusahaannya dengan PERKESO selepas 1 Julai 2018**, hendaklah mendaftarkan perusahaan dan pasangannya sebagai pekerja serta membayar caruman kepada PERKESO mulai tarikh menjalankan perusahaannya.


4. PELAKSANAAN

- 4.1 Kelayakan majikan mengemukakan jadual caruman dan membayar caruman bulanan yang pertama adalah mulai penggajian pada bulan Julai 2018 yang perlu dijelaskan tidak lewat daripada 15 Ogos 2018. Peraturan ini adalah terpakai secara berturutan bagi bulan-bulan berikutnya selagi suami atau isteri tersebut bekerja dengannya.
- 4.2 Semua majikan dikehendaki menyimpan rekod pembayaran tersebut bagi suami atau isteri yang bekerja dengannya dan memastikan jadual caruman serta bayaran caruman adalah terkemaskini bagi setiap bulan penggajian.
- 4.3 Selaras dengan perluasan perlindungan keselamatan sosial ini, semua suami atau isteri yang layak akan diliputi di bawah kedua-dua Akta dan layak membuat tuntutan faedah mengikut prosedur sedia ada.

5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung dengan Pekeliling Majikan ini hendaklah dikemukakan ke Pusat Khidmat Pelanggan PERKESO di talian 1300 22 8000 atau hadir ke Pejabat PERKESO yang berdekatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED)
Ketua Eksekutif
Pertubuhan Keselamatan Sosial

Tarikh: 18 Julai 2018

“SIKAP TERBUKA LAYANAN MESRA”